

LAMAN

ALLAMANDA

MAJLIS PERBANDARAN KULIM



PELANCARAN PELAN HALA TUJU STRATEGIK KULIM 2035

**EDISI 01 2023
JANUARI – JUN**



**MAJLIS PELANCARAN IBU PEJABAT BAHARU
KUMPULAN EB DI KULIM HI-TECH FASA 4**



Majlis Perbandaran Kulim

www.mppkk.gov.my

KULIM BANDAR BERSIH INDAH MAJU DAN SELAMAT

ISI KANDUNGAN

INFO PENGURUSAN

➤ Cukai Taksiran 2023	3
➤ majlis perhimpunan warga kerja dan pelancaran hala tuju strategik kulim 2035	4 - 6
➤ pendaftaran bazar	7
➤ Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2023	8 - 9
➤ Pengauditan MS ISO 9001:2015 (Sistem Pengurusan Kualiti)	
➤ danMS ISO 37001:2016 (Sistem Pengurusan Anti-rasuah)	10
➤ Taklimat Persediaan Awal Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri ke-15 DUN N.35 Kulim	11
➤ Majlis Penyerahan Pengiktirafan Productivity Champion	12
➤ Mesyuarat Penuh Kulim Golf	13

INFO ACARA/PROGRAM

➤ Program Khidmat Masyarakat, Cintai Alam Sekitar	14
➤ Bowling Antara Zon, Ahli Majlis	15
➤ Karnival Kesejahteraan Komuniti Bandar Kulim	16
➤ Program Gotong-royong Taman Kelulut Komuniti MPKK	17
➤ Program Walkabout dan Mini Pelancaran Operasi Ramadan	18
➤ Ceramah Ramadan	19
➤ Program Pokok Teduhan Taman Angsana	20
➤ Program Pengindahan Bandar Kulim (Mural), Stadium Kulim	21
➤ Karnival Kaligrafi Peringkat Komuniti Daerah Kulim	22 - 23
➤ Karnival Pembangunan Komuniti	24
➤ Kempen Melestarikan Sungai Dalam Komuniti "Save The River For Future Living"	25
➤ Program Membangunkan Kebun Komuniti Bandar	26
➤ Family Day MPKK	27

INFO DELEGASI/KUNJUNGAN HORMAT

➤ Majlis Pelancaran Ibu Pejabat Baharu Kumpulan Eb di Kulim Hi-tech Fasa 4	28 - 29
➤ Kunjungan hormat Pengurus Pejabat Perkeso Kulim	30
➤ Kunjungan Hormat Pengarah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah	31
➤ Lawatan Ke Pusat Pemurniaan Al-quran Maahad Tahfiz Ibnu Sina	32
➤ Lawatan Kerja Yang Amat Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Ke Daerah Kulim	33
➤ Kunjungan Hormat Jawatankuasa Pusat Sehati (Osc) Majlis Daerah Tanjong Malim	34
➤ Lawatan kerja Japan International Cooperation Agency (JICA)	35
➤ Lawatan Pegawai Tadbir Negeri	36
➤ Lawatan Majlis Bandaraya Subang Jaya	37
➤ ADTEC Mahang	38

INFO OPERASI PENGUATKUASAAN

➤ Operasi Sitaan Kenderaan Terbiar	39
➤ Operasi Runtuh – Taman Lobak	40
➤ Operasi Roboh Port Ketum	41
➤ Operasi Kenderaan Berat	42
➤ Operasi Bersepadu Agensi Penguatkuasaan Negeri Kedah	43
➤ Operasi Hi-tech Fasa 4	44

INFO KURSUS/LATIHAN/BENGKEL

➤ Kursus Pengukuhan Integriti Melalui Pemahaman Sistem Pengurusan Anti-rasuah (Spar) Majlis Perbandaran Kulim	45
➤ Bengkel Pengukuhan Kemahiran	46
➤ Kursus Pemahaman Undang-undang Kecil	47

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Yang Dipertua MPKK
Dr. Haji Nadzman Bin Haji Mustafa,
AMK.,BCK.

PENASIHAT

Puan Setiausaha MPKK
Cik Amal Binti Zubir,
BCK.

KETUA PENGARANG

Puan Hasnita Binti Mohd Hashim
Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Organisasi
Jabatan Khidmat Pengurusan

PENOLONG KETUA PENGARANG

Puan Munira Binti Abdul Rahim
Ketua Unit komunikasi Korporat
dan Perhubungan Awam

KONSEP & REKA BENTUK

Encik Khairul Syafiq Bin Shahari
Pembantu Tadbir
Bahagian Pembangunan Organisasi

PENGARANG

➤ Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim
Penolong Pegawai Penerangan,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
➤ Nurfarahin Binti Jefri
Pekerja Sambilan Harian,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

JURUFOTO

➤ Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim
Penolong Pegawai Penerangan,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
➤ Encik Khairul Syafiq Bin Shahari
Pembantu Tadbir
Bahagian Pembangunan Organisasi
➤ Encik Syaiful Adnan Bin Othman
Pembantu Operasi,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG/SUMBER MAKLUMAT

- Jabatan Perancang dan Landskap
- Jabatan Perbendaharaan
- Jabatan Bangunan
- Jabatan Kesihatan Persekitaran
- Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- Jabatan Pembangunan Masyarakat
- Jabatan Penguatkuasaan
- Jabatan Kejuruteraan
- Unit Undang-Undang
- Bahagian Pembangunan Organisasi
- Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

MAJLIS PERBANDARAN KULIM
No 1 Lebuhraya 2, Bandar Putra,
09000 Kulim Kedah Darul Aman

☎ 04-4325225 📠 04-4325229

🌐 @majlisperbandarankulim

🌐 www.mppk.gov.my

✉ info@mpkk.gov.my

📧 @mediampkk22

📷 @info_mpk

PENGURUSAN



06 Februari 2023 – Majlis Perhimpunan warga kerja Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah berlangsung di Dewan Bandaran, Kulim. Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan, Lagu Negeri Kedah, Lagu Perkhidmatan Awam, seterusnya bacaan ikrar perkhidmatan.

Majlis dihadiri Tuan Yang Dipertua, Dr. Haji Nadzman Bin Haji Mustaffa, Puan Setiausaha, Cik Amal Binti Zubir, ketua - ketua jabatan, anggota kerja MPKK serta turut diraikan anggota pesara. Antara intipati ucapan Tuan Yang Dipertua adalah pencapaian MPKK yang telah dilalui bagi tahun 2022.

Antaranya adalah inisiatif MPKK melalui pelaksanaan E10 yang telah menjadi salah satu penanda aras kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada tahun lepas, negeri Kedah berjaya menjadi negeri yang mencatatkan nilai pelaburan yang tertinggi dalam usaha menarik pelabur - pelabur terutamanya dalam sektor pembuatan.

Inisiatif ini seiring dengan Hala Tuju Pembangunan Negeri Kedah 2035 iaitu Kulim beridentiti sebagai sebuah daerah Hub Berteknologi Tinggi, untuk menarik lebih ramai lagi pelabur masuk ke daerah Kulim. Tuan Yang Dipertua turut melancarkan Hala Tuju Strategik Kulim 2035.



Matlamat utama menjelang tahun 2035, Kulim ke arah sebuah bandar yang pintar, makmur dan damai. Hala Tuju Strategik Kulim 2035, fokus MPKK adalah ke arah penyampaian perkhidmatan secara pintar kepada pelanggan. Kemudahan ini dapat memudahkan urusan terutama generasi akan datang yang terdedah kepada perkembangan teknologi. Manakala usaha mewujudkan sebuah bandar yang makmur dan sejahtera, ianya sejajar dengan Kulim sebagai hub berteknologi tinggi serta perindustrian yang semakin berkembang, akan membuka peluang pekerjaan yang lebih luas.

PENGURUSAN



Justeru itu, MPKK perlu menyediakan persekitaran yang baik terutamanya dari aspek infrastruktur dan kemudahan kepada penduduk Kulim. Di samping itu, untuk mewujudkan bandar yang damai, memerlukan keadaan persekitaran yang indah, bersih serta antara usaha-usaha yang perlu dilaksanakan adalah dengan meluaskan lagi kawasan – kawasan taman awam. Akhir ucapan, harapan Tuan Yang Dipertua agar warga kerja MPKK dapat bekerja dalam semangat berpasukan, pertahankan prestasi dengan landasan yang betul melalui matlamat ini serta berintegriti dan tekun dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan.



Dengan harapan ini, semoga Allah SWT memberkati dan dipermudahkan urusan MPKK. Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian penghargaan cenderahati kepada anggota MPKK yang akan bakal bersara dalam tempoh Januari – Mei tahun 2023. Setinggi – tinggi ucapan terima kasih di atas jasa dan khidmat bakti yang telah ditaburkan sepanjang berkhidmat di MPKK.

Senarai Penghargaan Kepada Pesara :

1. Encik Abu Bakar Bin Hashim, Jabatan Kesihatan Persekitaran
2. Puan Rosimah Binti Mohamad, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Encik Abdul Karim Bin Hashim, Jabatan Kesihatan Persekitaran
4. Puan Aziroh Binti Abdul Rahim, Jabatan Kesihatan Persekitaran
5. Encik Ahazan Bin Abu Saman, Jabatan Kejuruteraan

PENGURUSAN



MAJLIS PERHIMPUNAN WARGA KERJA DAN PELANCARAN HALA TUJU STRATEGIK KULIM 2035

Where Nature and Technology Meets to Build Smart City, Prosper City and Serene City"

Pelancaran Pelan Hala Tuju Strategik Kulim 2035 oleh Dr. Haji Nadzman Bin Mustaffa, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim.

VISI Kulim 2035.

- Kulim Bandar Berdaya Huni: Pintar, Makmur dan Damai.

MISI

- MPKK komited untuk memperkukuhkan interaksi dengan komuniti bagi membina Kulim sebagai Bandar Pintar, Bandar Makmur dan Bandar Damai.



Hala Tuju Strategik Kulim 2035 disasarkan dengan 5 strategi:

Strategi 1: Meningkatkan daya pembangunan ekonomi demi kemakmuran bandar.

Strategi 2: Memperkukuhkan keharmonian spatial.

Strategi 3: Meningkatkan serta memperkukuhkan taraf sosial rakyat yang progresif dan kondusif.

Strategi 4: Kemampanan alam sekitar.

Strategi 5: Memperkasakan tadbir urus yang efektif.

PENGURUSAN



PENDAFTARAN BAZAR

20 Februari 2023 - Bermulanya sesi pendaftaran dan undian petak niaga Bazar Ramadan Majlis Perbandaran Kulim bagi tahun 2023/1444H di Dewan Bandaran Kulim.

Disertakan carta alir proses pendaftaran dan undian untuk rujukan. Bagi tahun ini terdapat sedikit “*digitalization*” di mana para pemohon boleh mendaftar melalui pautan QR Kod yang akan diberikan.

Proses bidaan Tapak Hotspot juga akan dilakukan melalui pautan QR Kod. Para pemohon boleh dapatkan bantuan para petugas untuk sebarang pertanyaan dan permasalahan.



Seperti tahun sebelum ini, kaedah bayaran adalah 100% tanpa tunai “*Cashless*”. Bayaran boleh dilaksanakan secara QR Kod DuitNow (E-Wallet) atau melalui Kad Debit/Kredit.



PENGURUSAN



JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI 2023 MAJLIS PERBANDARAN KULIM

09 Mei 2023 – Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPKK telah diadakan bertempat di Dewan Putra, Kulim. Turut hadir Ahli-ahli Majlis, warga kerja MPKK dan agensi-agensi Kerajaan Daerah Kulim.

Terima kasih buat semua yang telah hadir memeriahkan lagi majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri.



PENGURUSAN



Tuan Yang Dipertua Dr Nadzman bin Mustaffa dan Puan Setiausaha, Cik Amal binti Zubir bersama Ahli Majlis MPKK



Jabatan Perbendaharaan



Jabatan Pembangunan Masyarakat



Jabatan Penguatkuasaan



Jabatan Bangunan



Kulim Inn dan Alamku



Jabatan Kesihatan Persekitaran



Jabatan Kejuruteraan



Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta



Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam



Unit Audit Dalam



Bahagian Pembangunan Organisasi

PENGURUSAN



PENGAUDITAN MS ISO 9001:2015 (SISTEM PENGURUSAN KUALITI) DAN MS ISO 37001:2016 (SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH)

06 hingga 07 Jun 2023 - bertempat di Majlis Perbandaran Kulim, Pengauditan Sijil MS ISO 9001:2015 dan MS ISO 37001:2016 oleh wakil *Standards and Industrial Research Institute of Malaysia* telah diadakan. Pengauditan ini merupakan pengauditan pengekal pen sijilan bagi Majlis Perbandaran Kulim.

Audit Persijilan SIRIM MS ISO 9001:2015 dan MS ISO 37001:2016. MPKK ini telah dikendalikan oleh Pasukan Juruaudit SIRIM yang terdiri daripada :

- **Ketua** : NUR ATIKAH IDAYU BINTI AHMAD NADZRY
- Ts. NORLIZAWATI YUSOF
- MOHD MAUDUDI BIN MUHAMAD NOOR
- MOHD SHAHRIL BIN MOHD ARSHAD

Di akhir Pengauditan SIRIM pada petang 07 Jun 2023, setiap juruaudit telah melakukan pembentangan mengenai penemuan-penemuan mereka.

Pengauditan Sijil SIRIM MS ISO 9001:2015 dan MS ISO 37001:2016 selama 2 hari oleh pihak SIRIM ini telah sedikit sebanyak membantu Majlis Perbandaran Kulim untuk meneruskan dan menambahbaik kualiti perkhidmatan terbaik untuk semua pelanggan MPKK. Segala cadangan, teguran dan penemuan oleh pihak SIRIM diambil positif oleh pihak Majlis Perbandaran Kulim dan pihak MPKK akan cuba melaksanakannya dan membuat penambahbaikan sebaik mungkin.

Pengauditan tersebut diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.



PENGURUSAN



Taklimat Persediaan Awal Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri ke-15 DUN N.35 Kulim di Dewan Bandaran Kulim

12 dan 13 Jun 2023 – Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah dengan Kerjasama Akademi Pilihan Raya telah mengadakan sesi taklimat sebagai persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Kedah-15 bertempat di Dewan Bandaran, Kulim.

Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia – SPR.



PENGURUSAN

Majlis Penyerahan Pengiktirafan Productivity Champion- Kategori Leader

14 Jun 2023 - Tahniah kepada Tuan Haji Mohd. Nazri Bin Harun, Pengarah Jabatan Bangunan, MPKK atas penerimaan Sijil Pengiktirafan Productivity Champion bagi Kategori Leader semasa Majlis Penyerahan Pengiktirafan Productivity Champion-Kategori Leader oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Penyampaian sijil anugerah telah disempurnakan oleh Pengerusi Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), YBhg. Datuk Kamaruzzaman Johari disaksikan oleh Timbalan Ketua Pengarah MPC, YBrs. Tuan Haji Zahid Ismail dan Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah.

Pengiktirafan Productivity Champion ini adalah pengiktirafan yang diberikan kepada individu yang aktif dalam memacu agenda peningkatan produktiviti di sama ada di peringkat organisasi, industri dan negara.

Pengiktirafan yang diberikan oleh pihak MPC ini bertujuan menghargai individu yang aktif melaksanakan inisiatif peningkatan produktiviti dengan memberikan pengiktirafan sebagai Productivity Champion, justeru akan menyumbang kepada peningkatan prestasi ekonomi negara.

Sehingga kini, "lebih 10,000 individu telah mendapat pengiktirafan daripada MPC melalui syarikat atau organisasi untuk memacu produktiviti dan daya saing" – memetik sumber daripada laman sesawang rasmi Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Syabas dan Tahniah diucapkan!!!

PENGURUSAN**MESYUARAT PENUH KULIM GOLF**

20 Jun 2023 - Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) Bil 6 Tahun 2023 dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Dr. Haji Nadzman Bin Mustaffa bertempat di Kulim Golf & Country Resort.

Mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli mesyuarat yang terdiri daripada Yang Dipertua selaku pengerusi mesyuarat, Puan Setiausaha, Ahli-ahli Majlis (politik dan ex-officio), Ketua-Ketua Jabatan dan urus setia mesyuarat yang terlibat.

Agenda tetap mesyuarat adalah mengesahkan minit Mesyuarat Majlis Penuh dan menerima ketetapan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap dan pemakluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC serta membentangkan pelaporan diakhiri dengan ucapan penangguhan daripada ahli-ahli mesyuarat.



Barisan Ahli Majlis menzahirkan ucapan penghargaan kepada seluruh anggota MPKK di atas komitmen yang diberikan dalam melaksanakan tugas serta memberikan kerjasama yang diperlukan dalam menguruskan permasalahan yang dihadapi penduduk.

“Semoga MPKK terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat serta menempa lebih banyak kejayaan di masa-masa akan datang”

Di kesempatan ini juga, Tuan Yang Dipertua turut merakamkan ucapan penghargaan kepada Ahli-ahli Majlis bagi lantikan penggal Tahun 2022-2023 ini yang kemudiannya disusuli dengan penyampaian cenderamata tanda penghargaan. Semoga kerjasama dapat diteruskan demi kepentingan penduduk Kulim.

ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK**PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT -CINTAI ALAM SEKITAR**

07 Januari 2023 – Program Khidmat Masyarakat Cintai Alam Sekitar telah diadakan di Taman Tasik Kulim, melibatkan agensi UNIKL MSI, Pertubuhan IKRAM Malaysia dan anggota Majlis Perbandaran Kulim. Program ini dirasmikan oleh Encik Norazam bin Kassim Ahli Majlis Zon 3.

Tujuan program ini diadakan bagi mencantikkan dan menceriakan kawasan Taman Tasik Kulim dengan mengecat papan tanda Taman Tasik serta membersihkan sekitar kawasan tersebut.

**Objektif :**

- Merapatkan PBT dengan warga masyarakat dalam kawasan pentadbiran.
- Menerapkan konsep Jom Sihat kepada rakyat.
- Bersama-sama dengan masyarakat untuk menjaga kebersihan kawasan sekeliling
- Memberi kesedaran awal kepada peringkat bawah umur berkaitan kepentingan pendidikan.
- Mengeratkan hubungan silaturrahim antara rakyat

ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK



BOWLING ANTARA ZON, AHLI MAJLIS

09 Mac 2023 – Kejohanan Tenpin Bowling Tertutup Zon-zon Ahli Majlis telah dirasmikan oleh Puan Setiausaha MPKK, Cik Amal binti Zubir bertempat di Kulim Landmark Central. Pertandingan ini melibatkan Ahli-ahli Majlis dan Area Officer.

Objektif pertandingan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara Majlis Perbandaran Kulim bersama dengan Ahli Majlis serta masyarakat. Disamping, mencungkil bakat serta minat dalam acara sukan Bowling. Melahirkan semangat kesukanan dalam acara yang pertandingan. Mewujudkan persefahaman melalui aktiviti bersama dan dipadankan ke arah integrasi kaum yang lebih mantap.



ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK**KARNIVAL KESEJAHTERAAN KOMUNITI BANDAR KULIM**

11 Mac 2023 - Karnival Kesejahteraan Komuniti Bandar Kulim telah diadakan di Masjid Al-Muqarabbin Taman Angsana, Kulim dari jam 08.00 pagi sehingga 11.00malam.

Karnival Kesejahteraan Komuniti dirasmikan oleh Encik Mohd Zaini bin Salleh, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kulim (Pengurusan Daerah).



Pelbagai pihak Agensi yang terlibat di dalam Karnival ini antaranya Pejabat Daerah dan Tanah Kulim, Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim, Jabatan Kerja Raya Kulim, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Environment Idaman Sdn.Bhd, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Kulim, Pejabat Kesihatan Daerah Kulim, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), SIRIM dan Bank di daerah Kulim. NGO terdiri daripada Pertubuhan Ikram Malaysia dan Alternative Riding Club (ARC).

Persatuan Penduduk terdiri daripada Persatuan Penduduk Taman Angsana, Taman Seri Pinang, Taman Lembah Impiana, Taman Selasih, Taman Rhu, Taman Ara, Taman Seri Petaling, Taman Bukit Kulim, Taman Kempas, Taman Kempas Indah, Taman Cengal dan Taman Cengal Indah. Institusi Pengajian Tinggi terdiri daripada Pusat Latihan Teknologi Tinggi Kulim (ADTEC), Giatmara Kulim/Bandar Baharu.

Objektif :

1. Merapatkan PBT dengan warga Masyarakat dalam kawasan pentadbiran
2. Memartabatkan sukan rakyat dikalangan generasi masa kini
3. Melahirkan pelajar yang serba boleh dan berwibawa dalam kehidupan seperti pertandingan mewarna.
4. Memberi peluang kepada pelajar menunjukkan bakat dan kebolehan yang ada
5. Melahirkan masyarakat yang kuat dari segi spiritual dan kerohanian
6. Mengeratkan hubungan silaturrahim antara Agensi serta Komunit Setempat
7. Melahirkan masyarakat bebas dari wabak penyakit
8. Melahirkan masyarakat bebas dari masalah jenayah



ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK



PROGRAM GOTONG-ROYONG TAMAN KELULUT KOMUNITI MPKK

19 Mac 2023 - Program dimulakan dengan ucapan aluan daripada Tuan Haji Zaidi Zainun, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKK dan ucapan perasmian oleh Puan Noriah Mohd Ramli, Ahli Majlis Zon 8. Program dengan penglibatan pelbagai pihak antaranya Universiti Utara Malaysia (UUM), E-Idaman Sdn Bhd, Balai Bomba dan Penyelamat Kulim, SWCorp dan komuniti setempat. Antara pengisian program adalah taklimat 3R (Reduce, Reuse, Recycle) oleh Prof. Madya TS. Dr. Mohd Rizal Razalli (UUM) sebagai langkah membantu pembangunan kelestarian alam sekitar.



Taklimat diteruskan dengan pengenalan asas sistem akuaponik, kombinasi akuakultur (ternakan ikan) dan hidroponik (tanaman tanpa tanah) dalam satu pusingan air oleh Prof. madya Ts. Dr. Mohamad Farizal Rajemi (UUM). Konsep akuaponik mempunyai banyak kelebihan kerana tanaman tidak perlu disiram dan dibaja kerana mendapat nutrisi daripada air kolam dan tidak terkesan dengan keadaan cuaca panas. Akuaponik hanya memerlukan beberapa peralatan terutama kolam mengikut saiz yang diinginkan, sistem paip dan pasu bunga serta pam air yang disediakan mengikut kreativiti sendiri asalkan berlaku kitaran air antara kolam dan tanaman. Program diteruskan dengan aktiviti membersihkan kawasan sekitar Taman Kelulut dan Akuaponik Komuniti.



ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK

PROGRAM WALKABOUT DAN MINI PELANCARAN OPERASI RAMADAN 2023

27 Mac 2023 – Program Walkabout dan Mini Pelancaran Operasi Ramadan Tahun 2023 oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kulim (PKD Kulim) bersama Majlis Perbandaran Kulim serta Pejabat KPDN dan Kos Sara Hidup Daerah Kulim di Bazar Ramadan Taman Selasih.

Dalam sesi walkabout ini juga para peniaga diberikan nasihat amalan langkah penjagaan makanan yang baik oleh para pegawai dari Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah.

Kebersihan dan keselamatan makanan tanggungjawab bersama.



ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK**CERAMAH RAMADAN**

11 April 2023 - Ceramah Ramadan 1444H/2023 telah diadakan di Bilik Al-Hikmah, Majlis Perbandaran Kulim (MPKK).

Ceramah Ihya Ramadan 1444H/2023 telah disampaikan oleh Penceramah Ustaz Mohd Izuwan, Ketua Jabatan Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad. Turut hadir anggota-anggota dari Majlis Perbandaran Kulim.

Penyampaian cenderahati dari MPKK telah disampaikan oleh Encik Halimin bin Lahaming, Pengarah Sumber Manusia MPKK.



ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK**PROGRAM POKOK TEDUHAN TAMAN ANGSA**

20 Mei 2023 - Program Gotong-royong dan Tanaman Pokok Teduhan di Taman Angsana (Zon 9) di bawah Program Local Agenda (LA 21) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Program disertai oleh pelbagai agensi dan jabatan antaranya Bahagian Kerajaan Tempatan SUK Kedah, MBAS, MPSPK, PBT Hitech Kulim, Pejabat Kesihatan Daerah Kulim, IPD Kulim, Polis PGA Kulim, JKR Kulim, Pejabat Pertanian Daerah Kulim, JUPEM, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Zakat Daerah Kulim, Jabatan Imigresen Malaysia Kulim, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Kulim / Bandar Baharu, Persatuan Penduduk Zon 9, Jawatankuasa Masjid Tmn Angsana, Persatuan Penduduk Tmn Seroja & Dahlia, E-Idaman, TNB Kulim dan Politeknik Kulim.

OBJEKTIF PROGRAM

- i. Memupuk kesedaran dan kepekaan terhadap alam sekitar, serta melahirkan sikap keprihatinan antara satu sama lain.
- ii. Melahirkan minat terhadap penanaman pokok dan pengindahan landskap dalam kalangan masyarakat.
- iii. Membantu kerajaan dan pihak swasta dalam menjaga alam sekitar.
- iv. Mewujudkan sikap bekerjasama dalam kalangan masyarakat.
- v. Mengalakkan penglibatan diri secara aktif dalam meningkatkan kualiti alam sekitar.
- vi. Memberi manfaat kejiranan hijau dan sihat kepada komuniti setempat.



ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK



Program Pengindahan Bandar Kulim (Mural), Stadium Kulim

28 Mei 2023 - Program yang dijalankan di Stadium Kulim bagi menghubungkan keakraban penduduk setempat dan pada masa yang sama menyemai semangat kecintaan terhadap keceriaan bandar.



Kebersihan, kesihatan dan keselamatan merupakan aspek penting dalam komposisi sesebuah bandar. Program juga berhasrat menjadikan Kulim sebagai sebuah bandar yang bersih, ceria dan indah. Persekitaran yang bersih dan sihat menghadirkan suasana ceria seterusnya melahirkan rakyat yang produktif.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Agensi-agensi kerajaan, wakil Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Bukan Kerajaan, Pihak Swasta serta masyarakat.




ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK**KARNIVAL KALIGRAFI PERINGKAT KOMUNITI
DAERAH KULIM**

24 Jun 2023 – Karnival Kaligrafi Peringkat Komuniti Daerah Kulim telah dirasmikan oleh Puan Setiausaha, Cik Amal binti Zubir bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong, Kulim. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti aktiviti senamrobik, program bual bicara ilmu, pertandingan kaligrafi, sajak, syair, pameran dari agensi-agensi bomba, pdrm, swcorp, eidaman, aadk, tabung haji, pusat zakat, pemeriksaan kesihatan/derma darah/kaunter khidmat pelanggan/kulim smart parking, pameran kaligrafi, kaunter perkhidmatan e-mobile jppj, pembaharuan insurans dan cukai jalan kenderaan, pemeriksaan percuma pembaharuan cukai jalan motorsikal yang tamat tempoh lebih 3 tahun, free market/sumbang barangan terpakai, carnival jualan barangan kitar semula, kaunter pendaftaran idaman xchange, pertandingan memanah, aktiviti berkuda dan lain-lain.

**OBJEKTIF**

- Merapatkan PBT dengan warga masyarakat dalam kawasan pentadbiran
- Memartabatkan Seni Kaligrafi di kalangan generasi masa kini
- Memberi peluang kepada pelajar menunjukkan bakat dan kebolehan yang ada
- Melahirkan masyarakat yang serba boleh
- Mengeratkan hubungan silaturrahim antara rakyat



LENSA KAMERA**KARNIVAL KALIGRAFI PERINGKAT KOMUNITI DAERAH KULIM**

Antara Agensi-agensi yang terlibat Perbadanan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (Swcorp) Bank Rakyat Bank Islam Bank Muamalat universiti Utara Malaysia (Uum) politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Kulim Universiti Kuala Lumpur - Malaysian Spanish Institute (Unikl) Sekolah Menengah Kebangsaan Chio Min Sekolah Menengah Kebangsaan St. Patrick Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Dik Sekolah Kebangsaan Permatang Tiong Sekolah Kebangsaan Taman Jelutong Sekolah Kebangsaan Air Merah Sekolah Kebangsaan Sungai Ular Grabcar Persatuan Penduduk Bandar Permata Lunas Fasa 5 Persatuan Penduduk Taman Lembah Impianakawasan Rukun Tetangga Taman Kemuningkebun Komuniti Taman Beringin / Keranji kebun Komuniti Taman Serai Setia, Padang Seraipersatuan Senamrobik Daerah Kulim



ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK



KARNIVAL PEMBANGUNAN KOMUNITI

03 Jun 2023 - Majlis Perasmian Karnival Pembangunan Komuniti Kulim 2023 bertempat di Stadium Kulim oleh YBhg. Encik Mohd Yusri Bin Hashim, Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Komuniti, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) diiringi YBrs. Puan Amal Bt Zubir, Setiausaha MPKK.

En Mohd Yusri dalam ucapannya, merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini terutamanya para pemimpin masyarakat setempat, NGO, rakan-rakan strategik agensi, rakan media serta komuniti penduduk.



“Fokus utama dari aspek sukan dan rekreasi bagi memantapkan pembangunan jasmani dan rohani agar melahirkan suasana masyarakat yang lebih aktif, efektif dan intelektual seterusnya menyumbangkan pemikiran bernas bagi pembangunan komuniti.”

“KPKT juga akan terus memperkasakan komuniti dengan susunan pelbagai program dan kempen kesedaran supaya dapat memainkan peranan dalam aspek kebersihan, pengurusan sisa pepejal, keselamatan, bencana alam dan pelbagai lagi.”

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyerahan sijil penghargaan kepada rakan-rakan strategik serta penyerahan mock kunci kepada penerima bantuan Baik Pulih Rumah di Bandar Fasa 1 Tahun 2023 bagi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).




ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK

11 Jun 2023 - Majlis Perbandaran Kulim telah menganjurkan Kempen Melestarikan Sungai Dalam Komuniti “Save The River For Future Living” di bawah Program Local Agenda 21 (LA21) bertempat di Sungai Sedim, Kulim.

Program dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua MPKK, Dr. Haji Nadzman bin Mustaffa dengan ucapannya menyeru agar orang ramai terus menjaga dan menghargai khazanah sumber air. Beliau juga meminta semua pengusaha industri pelancongan di Sedim agar menitik beratkan perkara berkaitan keselamatan pengunjung serta kebersihan kawasan sungai seterusnya menaikkan lagi imej eko pelancongan di daerah Kulim.

KEMPEN MELESTARIKAN SUNGAI DALAM KOMUNITI “SAVE THE RIVER FOR FUTURE LIVING”



Pelbagai pihak yang terlibat di dalam program ini antaranya Warga Sekolah Kebangsaan Seri Lindungan Raja, Jabatan Pengairan dan Saliran Kulim, Pejabat Daerah dan Tanah Kulim, Jabatan Bomba dan Penyelamat, SWCorp, E-Idaman, Persatuan Penduduk Kampung Lindungan Raja, Koperasi Homestay Sedim serta agensi-agensi yang lain yang turut serta dalam kempen ini.



Hadir bersama Tuan Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Kulim/Bandar Baharu, IR Mohamad Adhar bin Yahya, Puan Zaiton binti Ahmad Zainun mewakili Bahagian Kerajaan Tempatan (SUK Kedah), Encik Abdul Motalib bin Che Sa Pengerusi Koperasi Pelancongan Homestay Sedim Kulim Berhad, serta Ahli-ahli Majlis MPKK Encik Nor Wahiddin bin Mohamad, Zon 04 dan Encik Abdullah bin Che Ya, Zon 05.

Kempen yang disertai pelbagai jabatan dan agensi ini berjaya memenuhi sasaran dan objektif program untuk memupuk serta memberi kesedaran umum dan keprihatinan terhadap sungai kita. Selain program pendidikan dan kesedaran yang berterusan, kempen ini juga melibatkan program pembersihan sungai dan pengindahan sungai.



ACARA-ACARA DAN PROGRAM MPKK



17 Jun 2023 - Majlis Perbandaran Kulim telah mengadakan Program Membangunkan Kebun Komuniti Bandar Secara Kaedah Fertigasi bertempat di Taman Lembah Impiana, Kulim (Zon 9) di bawah Program Local Agenda 21 (LA21) MPKK.

Turut hadir bersama dalam program ini ialah Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat Tuan Haji Zaidi bin Zainun, Ahli Majlis MPKK Puan Hayati binti Ahmad (ZON 9), Encik Norazam bin Kassim (ZON 3), Mohd Syahrulrizal bin Mad Zainol (Wakil penduduk Taman Lembah Impiana).

PROGRAM MEMBANGUNKAN KEBUN KOMUNITI BANDAR SECARA KAEDAH FERTIGASI DI TAMAN LEMBAH IMPIANA, KULIM (ZON 9) DI BAWAH PROGRAM LOCAL AGENDA LA21 MPKK



Program disertai oleh pelbagai agensi dan jabatan antaranya Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Pertanian Daerah Kulim, Environment Idaman Sdn Bhd, SADA, JKR, Pejabat Agama, JPJ, Batalion 13, PBT Hi-Tech, IPD, Komuniti Penduduk Zon 9 Majlis Perbandaran Kulim, Pengerusi Kebun Komuniti Taman Serai Setia, Taman Sejahtera, Taman Beringin, Taman Bersatu 3, Taman Mahsuri dan Taman Sri Pinang.

Kebun Komuniti ini bertujuan untuk membina hubungan yang rapat antara warga komuniti dan Majlis Perbandaran Kulim. Dengan aktiviti ini ia dapat meningkatkan interaksi di antara penduduk di dalam komuniti dan secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim. Selain itu juga ia membolehkan penduduk mendapat hasil tani yang lebih sihat dan segar.



DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT

MAJLIS PELANCARAN IBU PEJABAT BAHARU KUMPULAN EB DI KULIM HI-TECH FASA 4

11 Februari 2023 - Kumpulan EB merupakan peneraju dalam bidang pembuatan dan pengedar makanan sejuk beku disamping produk mereka yang dikenali iaitu Ring Roll telah melancarkan ibu pejabat terbaharu mereka di Kulim Hi-Tech Park Fasa 4. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, YBrs. Dr. Haji Nadzman bin Mustaffa telah dijemput sebagai tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis pelancaran.

Kumpulan EB memiliki tiga anak syarikat yang mengeluarkan pelbagai rangkaian produk, antaranya adalah Everbest Soya Bean Products Sdn Bhd (pengeluaran produk berasaskan kacang soya), EB Frozen Food Sdn Bhd (pengeluaran produk berasaskan surimi, ayam, udang dan produk terbaru mereka yang berasaskan ikan Alaska pollock) dan Hoshay Food Sdn Bhd (pengeluaran produk vegetarian dan produk yang berasaskan tumbuhan).

Kumpulan EB telah memperoleh 871,200 kaki per segi tanah setelah melabur sebanyak RM250 juta di Kulim Hi-Tech Park. Disamping itu sebanyak RM210 juta telah dilaburkan untuk meningkatkan lagi kapasiti pembuatan, teknologi dan mesin pembuatan yang baru serta dalam masa yang sama meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam penghasilan produk.

Kini Kumpulan EB berupaya untuk menghasilkan 60,000 tan produk setiap tahun yang bernilai RM1 bilion untuk memenuhi permintaan pasaran. Selain daripada itu, RM40 juta telah dibelanjakan untuk bangunan lima tingkat yang telah dibina sebagai ibu pejabat baru Kumpulan EB dan ia mampu menampung sehingga 600 pekerja.



DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT

Tujuan Kumpulan EB ini adalah untuk menyediakan tempat dan suasana kerja yang selesa untuk semua pekerja dan juga sebagai satu tarikan untuk menarik generasi muda untuk menyertai Kumpulan EB.

Reka bentuk dalaman ibu pejabat Kumpulan EB ini diilhamkan daripada ibu pejabat Google. Setiap aras menggambarkan bentuk dan gaya yang berbeza dengan kepelbagaian budaya selari dengan misi dan visi kumpulan EB.

Ibu pejabat baharu ini juga mempunyai kantin yang boleh menampung 150 pekerja dalam satu masa. Demi memastikan para pekerja menerapkan kehidupan yang lebih sihat Kumpulan EB juga menyediakan 15 set peralatan gim dan juga dek Yoga yang terbuka untuk digunakan oleh para pekerja Kumpulan EB.

Lebih menarik, bangunan ibu pejabat baharu ini juga dilengkapi dengan bilik karaoke dan game room untuk para pekerja merehatkan minda dan juga fizikal setelah penat bekerja. Juga disediakan bilik menyusui untuk memberi keselesaan dan privasi kepada para ibu yang menyusui ketika di pejabat.

Demi menghasilkan dan menjadikan produk makanan sejuk beku yang lebih sihat dan baik sebagai pilihan makanan, EB menggunakan teknologi terbaru dan terbaik iaitu Individual Quick Freezing (IQF) untuk menghasilkan produk makanan sejuk beku yang lebih baik.



DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT



Kunjungan hormat Encik Ahmad Rizwan Hassan Bin Basroh, Pengurus Pejabat Perkeso Kulim Perkeso ke atas Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim

Perkongsian kerjasama bersama rakan strategik bagi memastikan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dipertingkatkan bagi menjaga kepentingan dan kebajikan pekerja.

Dalam pertemuan ini juga, Tuan Yang Dipertua menyerahkan dokumen untuk caruman PERKESO bagi Pekerja Sambilan Harian yang sedang berkhidmat bersama pihak MPKK.

‘Kita tidak boleh meramal musibah. Malang itu tidak berbau. Sediakanlah payung sebelum hujan.

PERKESO telah melaksanakan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 mulai 1 Jun 2017 bertujuan memberi perlindungan sekiranya berlaku sebarang kemalangan atau musibah sebagai ‘replacement of income’ atau penggantian pendapatan kepada Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS) seperti kemalangan atau penyakit pekerjaan yang berlaku sewaktu atau diakibatkan oleh aktiviti pekerjaan mereka.



DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT

KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYIAH KE MAJLIS PERBANDARAN KULIM



08 Januari 2023 – Dr Haji Nadzman Bin Haji Mustafa, Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menerima kunjungan hormat daripada Tuan Haji Mohd Ruzi Bin Hamzah, Pengarah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), bertempat di Bilik Al-Ikhlas MPKK.

Kunjungan hormat ini untuk merapatkan lagi jalinan ukhwaah dan silaturahim, berkongsi maklumat terkini, kepakaran dan pengalaman bagi kecemerlangan TVET di institusi bagi memenuhi kehendak pasaran tenaga kerja semasa terutamanya di Kulim Industrial Corridor yang sedang pesat membangun. Turut hadir Encik Mohd Zamre Bin Ab Rahman, Timbalan Pengarah Akademik dan Dr. Haji Samsul Bin Abd Rashid, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik serta pegawai-pegawai dari PTSB Kulim.



DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT**LAWATAN KE PUSAT PEMURNIAAN AL-QURAN
MAAHAD TAHFIZ IBNU SINA**

Pusat Pemurniaan Al-Quran Maahad Tahfiz Ibnu Sina yang terletak di Taman Kota Kenari, Kulim merupakan pusat pemurniaan yang terbesar di Malaysia.

Pusat ini dibangunkan bagi proses memelihara Al-Quran dan kitab-kitab agama yang ingin dilupuskan dari rumah, sekolah, masjid dan lain-lain tempat agar terpelihara kesuciannya.

MPKK bersama PUSPANITA Daerah Kulim serta Stesen Penyiaran TV Al-Hijrah berpeluang menyaksikan proses pemurniaan Al-Quran yang dijalankan mengikut peringkat. Terdapat juga pelbagai aktiviti menarik yang boleh dijadikan produk pelancongan Daerah Kulim seperti sukan berkuda, galeri pameran keris-keris lama, galeri para ulama nusantara dan galeri Mekah.



DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT



LAWATAN KERJA YANG AMAT BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH KE DAERAH KULIM



07 Februari 2023 - Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, YB Dato' Haji Norizan bin Khazali telah mengadakan lawatan kerja sehari ke Daerah Kulim.

Lawatan ini merupakan lawatan pertama YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah setelah di lantik ke jawatan berkenaan. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat isu - isu utama di peringkat daerah yang akan diangkat serta diselesaikan diperingkat negeri.

Program dimulakan di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Dan Tanah Kulim dengan ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Haji Abdul Bari bin Abdullah, Pegawai Daerah Kulim.

Seterusnya, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah berkesempatan melawat ke Dataran Bougenvilla yang dahulunya adalah kediaman rasmi Pegawai Daerah Kulim. Beberapa cadangan penambahbaikan juga disuarakan untuk menjadikan kawasan dataran ini sebagai salah satu kawasan riadah dan sebahagian daya tarikan industri pelancongan Daerah Kulim.

Hadir bersama adalah Pegawai Kewangan Negeri Kedah, YB Dato' Haji Isahak Bin Murat dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi, serta Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Ybhg. Dato' Haji Syed Khairul Anuar Bin Syed Abidin.



DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT

KUNJUNGAN HORMAT JAWATANKUASA PUSAT SEHENTI (OSC) MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM KE MAJLIS PERBANDARAN KULIM DAN KULIM HI-TECH PARK

21 Februari 2023 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menerima kunjungan hormat Delegasi Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) yang diketuai oleh Tuan Mohd Ikram bin Ahmad, Yang Dipertua MDTM bagi Lawatan Kerja Jawatankuasa Pusat Sehati (OSC) bertempat di Bilik Al-Hikmah MPKK. Sesi kunjungan hormat telah disambut oleh Dr. Haji Nadzman bin Mustaffa, Yang Dipertua MPKK.

Dalam lawatan kerja ini, delegasi diberi penerangan mengenai Permit Pembinaan Ekspres - E10 iaitu satu inisiatif bagi pengeluaran permit pembinaan secara pantas. Inisiatif yang diperkenalkan bagi membolehkan interaksi yang berkesan di antara pelabur dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memudahkan kerja-kerja pembinaan dan akhirnya pengeluaran produk dapat dikeluarkan mengikut garis masa yang telah ditetapkan tanpa kelewatan.

Objektif lawatan kerja ini adalah menambah pengetahuan pihak MDTM berkenaan mekanisme proses kelulusan permohonan tapak industri kaedah inisiatif E10. Sebagai penanda arasan dalam memudahcara pembangunan Kawasan Perindustrian.

Sesi taklimat pembangunan KHTP dan pelaksanaan inisiatif E10 ini telah disampaikan oleh TPr. Haji Hamzah bin Ab. Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK. Delegasi MDTM seterusnya di bawa ke sekitar Kawasan Industri Kulim Hi-Tech bagi melihat pembangunan infrastruktur serta pelaksanaan projek pembangunan secara lebih dekat.

Semoga perkongsian ini dapat bersama menambah baik mutu penyampaian dan perkhidmatan dalam agenda pembangunan industri.

DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT**KULIM KE ARAH SMART LIVEABLE CITY 2035**

Lawatan kerja daripada Japan International Cooperation Agency (JICA) yang diwakili oleh Yasuo KANNAMI sebagai Pengurus Projek dan Li SHUAI daripada Pacific Consultants Co.Ltd.Lawatan kerja ini bagi memahami status semasa inisiatif pembangunan bandar pintar di peringkat Majlis Perbandaran Kulim, mempromosikan kajian dan Pelan Induk Kulim Industry Corridor (KIC) serta demonstrasi Kulim Intergrated Database System (KIDS). Turut membincangkan cabaran dalam mempromosikan inisiatif bandar pintar seterusnya mewujudkan kerjasama di antara Jepun dan Malaysia dalam bidang bandar pintar terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kulim.



Satu sesi lawatan di sekitar Kulim terutamanya di Kawasan Kulim Hi-Tech Park dan Kebun Kejiranan Serai Setia bagi mendapatkan gambaran sebenar di tapak. Lawatan kerja yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua ini turut dihadiri oleh wakil Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Kedah, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah, PLANMalaysia@Kedah dan Pejabat Projek Zon Utara PLANMalaysia. Jabatan Pertanian Daerah Kulim dan Pejabat Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah Kulim turut bersama di sesi lawatan Kebun Kejiranan Serai Setia.



DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT

LAWATAN PEGAWAI TADBIR NEGERI KE MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Sesi taklimat dan amanat oleh Tuan Yang Dipertua MPKK kepada Pegawai Tadbir Negeri N41 Lantikan Baharu sempena “Management Acceleration Programme” (MAP) 2023. Tuan Yang Dipertua dalam amanatnya meminta para pegawai untuk memahami dan mendalami maksud fungsi utama Pegawai Tadbir Negeri.

Sebagai seorang yang diberi amanah untuk menjaga dan memimpin pengurusan sebuah negeri. Setiap pegawai perlu mempunyai kredibiliti mengawal selia yang baik. Karisma diri. Ambil peduli tentang setiap permasalahan.

Ambil tanggungjawab untuk tindakan penyelesaian. Amanah dengan kuasa yang diberikan.

Setiap pemimpin perlu sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan. Mendalami konsep asas pengurusan strategik yang terdiri daripada proses perancangan, pemantauan, menganalisis dan menilai segala yang diperlukan bagi sesebuah pentadbiran untuk memenuhi matlamat dan objektifnya.

Para pegawai juga perlu bertanggungjawab dalam menguruskan sebuah bandar serta perancangan sebuah negeri dengan lebih sistematik. Keterujaan untuk sentiasa melihat ruang dan peluang dalam menambah baik proses kerja.

**Make Kedah Great Again!!
Demi Kemakmuran Rakyat Kedah.**



DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT

LAWATAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA KE MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Kunjungan oleh [Majlis Bandaraya Subang Jaya](#) ke Majlis Perbandaran Kulim untuk Sesi Perkongsian Pengetahuan dan Perbincangan Berkenaan Pembangunan dan Pelaksanaan Permit Pembinaan Ekspress E10.

Kunjungan diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan dan taklimat awal oleh Tuan Yang Dipertua MPKK disusuli dengan penerangan lanjut oleh Pengarah Jabatan Perancang dan Lanskap MPKK.

Semoga perkongsian ini dapat menambah baik dan memperkukuhkan lagi mutu perkhidmatan perbandaran.



DELEGASI / KUNJUNGAN HORMAT**ADTEC MAHANG**

2 Jun 2023, Mahang – Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, Dr Hj Nadzman Bin Mustafa menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Rekapipta dan Inovasi (IIC) ADTEC Kulim 2023 di Dewan Seri Mahang, ADTEC Kulim.

Program yang menghimpunkan semua projek pelajar semester akhir Diploma Teknologi Perindustrian dan Diploma Kemahiran Malaysia. Melibatkan keseluruhan 60 projek dengan 180 orang pelajar jurusan Elektronik, Mekatronik, Telekomunikasi, Mekanikal Pemesinan dan Mekanikal Perkakasan.

Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya berkata, “Program seumpama ini sangat signifikan dalam melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif. Seterusnya mampu menghasilkan pekerja yang kompeten, berkemahiran dan inovatif selaras dengan keperluan industri negara masa kini.”

“ADTEC Kulim menghasilkan ramai tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang teknikal seiring pembangunan pesat sektor industri di Daerah Kulim. Rebutlah peluang yang ada. Lengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan bijak dalam mencari peluang” ujar beliau.



Dalam kesempatan itu juga, Tuan Yang Dipertua mengucapkan setinggi tahniat dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program IIC ADTEC Kulim 2023 dan berharap ADTEC Kulim akan terus komited melahirkan lebih ramai anak bangsa berkemahiran tinggi.

OPERASI PENGUATKUASAAN**OPERASI SITAAN KENDERAAN TERBIAR**

Seksyen 46 (1)(e) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], mendefinisikan kenderaan terbiar sebagai mana-mana kenderaan atau apa-apa bahagiannya yang diletakkan atau menyebabkan halangan di mana-mana tempat awam, lebuhraya atau siar kaki dan atau dalam mana-mana kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan.

Kenderaan terbiar antara wabak permasalahan yang semakin serius. Orang ramai disaran untuk melupuskan kenderaan yang dirasakan tidak selamat, tidak boleh atau tidak lagi berbaloi untuk terus digunakan.

Trend kenderaan terbiar kini kelihatan banyak berada di kawasan bengkel membaiki kenderaan. Dihantar ke bengkel dengan niat baik pulih. Apabila dimaklumkan jumlah kos dan dirasakan tidak lagi berbaloi, kenderaan dibiarkan begitu sahaja di persekitaran bengkel.

Bantu kami. Bertanggungjawab dengan kenderaan hak milik anda. Tindakan pelupusan oleh pemilik kenderaan adalah jauh lebih mudah berbanding langkah pelupusan oleh PBT yang perlu melalui beberapa proses undang-undang sebelum kenderaan boleh dilupuskan sepenuhnya.

17 Februari 2023

27 Mac 2023


OPERASI PENGUATKUASAAN***OPERASI RUNTUH – TAMAN LOBAK***

Operasi merobohkan struktur binaan tanpa kebenaran di kawasan perniagaan Taman Lobak, Lunas selepas mendapat bantahan daripada penduduk setempat.

Perbuatan mendirikan struktur atau bangunan tanpa kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan adalah satu kesalahan. PBT boleh mengambil tindakan sekiranya pemilik gagal mematuhi arahan notis yang dikeluarkan.

Mana-mana pihak yang ingin mendirikan struktur bangunan dinasihatkan mengemukakan permohonan dan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu sebelum kerja pembinaan dilaksanakan.



OPERASI PENGUATKUASAAN



OPERASI ROBOH PORT KETUM

10 Mei 2023 - Operasi bertujuan merobohkan 2 unit binaan yang dilaporkan menjadi 'port' jualan air ketum di Taman Ria dan Taman Serai Wangi, Padang Serai, Kedah.

Hasil semakan binaan didirikan tanpa kebenaran pihak MPKK dan melanggar peruntukan Seksyen 72(1) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (AKTA 133).



Pemilik binaan telah diberi notis meroboh dan notis mengosongkan bangunan pada Januari dan Februari 2023 yang lalu namun diendahkan sekaligus membolehkan operasi meroboh dilakukan.

Dalam operasi ini, pihak [PDRM KULIM KEDAH](#) membuat kawalan keselamatan terhadap semua petugas manakala pihak MPKK, SADA dan TNB melakukan tugas merobohkan binaan, memotong bekalan elektrik dan bekalan air.

OPERASI PENGUATKUASAAN**OPERASI KENDERAAN BERAT**

Ops Bersepadu Kenderaan Berat dengan kolaborasi bersama PDRM Kulim Kedah dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah diadakan di sekitar kawasan Kulim, Lunas dan Padang Serai.

Objektif utama adalah mendidik, menasihati dan memastikan semua pengguna jalan raya mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa berpandukan Akta Pengangkutan Jalan 1987, Kaedah Pengangkutan Jalan serta bidang kuasa agensi masing-masing.

Mohon kerjasama semua untuk tidak meletakkan kenderaan berat di dalam kawasan perumahan. Selain faktor aduan berkaitan kacau ganggu, bunyi bising dan keselamatan penduduk, kemasukan kenderaan berat di sekitar kawasan perumahan juga boleh menyebabkan kerosakan infrastruktur jalan.

28 Februari 2023

22 Jun 2023


OPERASI PENGUATKUASAAN

OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU (OPB) 2023 BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN NEGERI KEDAH

21 Jun 2023 – Operasi Penguatkuasaan Bersepadu (OPB) 2023 bersama pelbagai Agensi Penguatkuasaan Negeri Kedah telah diadakan di tapak pembinaan Daerah Kulim anjuran CIDB Negeri Kedah. Taklimat ringkas telah disampaikan oleh Puan Siti Rafidah binti Baharom, Pengarah CIDB Negeri Kedah.

Agensi yang turut terlibat dalam Operasi Penguatkuasaan Bersepadu (OPB) tersebut ialah Majlis Perbandaran Kulim, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah (Cawangan Kulim), Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara, Jabatan Tenaga Kerja Kulim, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kedah, SWCorp Negeri Kedah dan Jabatan Kesihatan Daerah Kulim.



Sebanyak 3 Kompaun telah dikeluarkan oleh MPKK manakala setiap agensi terlibat turut mengeluarkan notis mengikut akta yang dikuatkuasakan di bawah kawal seliaan agensi.

OPERASI PENGUATKUASAAN**OPERASI BERSEPADU KULIM HITECH FASA 4****12 April 2023**

12 April 2023 - Seramai 20 anggota PDRM dan 8 anggota Penguatkuasa MPKK terlibat dalam operasi sebagai maklum balas aduan awam berkaitan halangan dan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Perdana Kawasan Industri Hi-Tech Fasa 4.

Sebanyak 22 Kompaun Lalu Lintas serta satu tangkapan oleh pihak PDRM manakala 10 Kompaun Penjaja Tanpa Lesen dan 3 sitaan barangan warga asing oleh pihak MPKK.

24 Jun 2023

24 Jun 2023 – Polis Di raja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bersama Majlis Perbandaran Kulim terlibat dalam operasi bersepadu sebagai maklum balas aduan awam berkaitan halangan dan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Perdana Kawasan Industri Hi-Tech Fasa 4.

Sebanyak 14 Kompaun dikeluarkan oleh pihak PDRM serta 5 tangkapan oleh pihak JIM manakala 8 Kompaun Penjaja Tanpa Lesen dan sitaan barang niaga warga asing oleh pihak MPKK.

KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI MELALUI PEMAHAMAN SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH (SPAR) MAJLIS PERBANDARAN KULIM



16 Februari 2023 – Kursus Pengukuhan Integriti melalui pemahaman Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (SPAR) Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Alamanda, [Kulim Inn](#) dengan siri kali ini dihadiri 35 anggota MPKK.

Kursus disampaikan oleh Encik Alif bin Hamzah, Pegawai Undang-Undang MPKK yang juga bertindak sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).

Objektif kursus bagi menyebarkan luas dan berkongsi dengan rakan kerja berkaitan pengukuhan nilai integriti dan anti jenayah rasuah melalui pemahaman kepada SPAR

serta menjadi wadah perkongsian amalan baik serta pengukuhan integriti yang telah dan akan dilaksanakan di jabatan.

Ini adalah usaha berterusan Majlis Perbandaran Kulim dalam memupuk budaya integriti. Mengukuhkan daya rintang terhadap jenayah rasuah.

Dengan pengukuhan integriti dikalangan warga kerja, semestinya mampu meningkatkan lagi kualiti dan ketelusan sistem penyampaian perkhidmatan.



Kursus / Latihan / Bengkel

Bengkel Pengukuhan Kemahiran Mematuhi Peraturan Pembangunan ke Arah Meningkatkan Kecekapan Dalam Urusan Mendapatkan Permit Pembinaan

08 Mei 2023 – Bengkel Pengukuhan Kemahiran Mematuhi Peraturan Pembangunan ke Arah Meningkatkan Kecekapan Dalam Urusan Mendapatkan Permit Pembinaan anjuran [Malaysia Productivity Corporation \(MPC\)](#) telah diadakan di Kulim Golf & Country Resort.

Bengkel dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Dr Hj Nadzman bin Mustaffa Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim dan YBhg. Datuk Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia disusuli dengan ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan PKPT.



Slot pertama bengkel dimulakan dengan perkongsian dan pengalaman dalam meningkatkan kecekapan urusan mendapatkan permit pembinaan oleh Tn. Hj. Zahid bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Datuk Ar. Ezumi Harzani Ismail, Pengerusi Bersama Kumpulan Kerja Teknikal bagi Lokasi Perniagaan (TWGBL).

Program kemudiannya diteruskan dengan perbincangan strategik ke arah meningkatkan kecekapan dalam urusan mendapatkan permit pembinaan di Kulim Kedah dengan objektif perbincangan tertumpu kepada Industrialize Building System (IBS), Building Information Modelling (BIM) dan Risk Based Approval Process (Kebommbaan).



Kursus / Latihan / Bengkel

KURSUS PEMAHAMAN UNDANG-UNDANG KECIL



22 Jun 2023 - Kursus Pemahaman Pemakaian Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan dan Pusat Penjagaan Kesihatan (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2019 dan Pengukuhan Integriti bertempat di Kulim Inn.

Kursus disertai oleh 30 orang pegawai dengan taklimat pemahaman disampaikan oleh Encik Alif bin Hamzah, Pegawai Undang-undang Majlis Perbandaran Kulim.

